

KEDAH, PERAK, SELANGOR, RATTANAKOSIN DAN BRITISH: MENYOROT SEJARAH DIPLOMATIK TIGA KERAJAAN MELAYU DENGAN KUASA ASING PADA ABAD KE-19

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria*

Abstrak

Sejarah Diplomatik tiga kerajaan Melayu, Selangor, Perak dan Kedah sangat menarik. Dalam hubungan tersebut melibatkan perjanjian, peperangan, dan bertambah menarik lagi terlibat British dan Rattanakosin. Sehubungan itu makalah ini memaparkan dan menjelaskan hubungan ketiga-tiga kerajaan Melayu itu, dan sekali gus menjelaskan penglibatan British dan Rattanakosin dalam kancuh hubungan politik tersebut. Dengan merujuk sumber simpanan Arkib Negara Malaysia, Arkib Kebangsaan United Kingdom, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Perpustakaan Universiti Malaya, makalah ini menjelaskan sejarah diplomatik ketiga negeri Melayu tersebut, dan penglibatan British serta Rattanakosin adalah berpunca daripada aspek politik dan ekonomi.

Kata Kunci: Negeri Melayu dan Sejarah Diplomatik

Pendahuluan

Kedah adalah salah sebuah kerajaan Melayu terawal di Semenanjung Tanah Melayu, diasaskan oleh Maharaja Derbar Raja pada 630. Kesultanan Selangor pula diasaskan oleh Raja Lumu, bergelar Sultan Salehuddin pada 1766; kesultanan Perak diasaskan oleh Raja Muzaffar, bergelar Sultan Muzaffar Shah pada 1528; dan kesultanan Kedah dimulakan oleh Sultan Muzaffar Syah pada 1136. Kerajaan Rattanakosin menuntut negeri Melayu sebagai jajahanannya, dan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) bertapak di Kedah, iaitu Pulau Pinang pada 1786. Pada abad ke-18, Selangor muncul sebagai sebuah kerajaan tersendiri. Berikutan perkembangan kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, Rattanakosin berhasrat menguasai enti-enti politik tersebut. Kerajaan Kedah dimasukkan sebagai jajahan dalam pentadbiran kerajaan Rattanakosin, dan bertindak sebagai perantaraan untuk menguasai kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Beberapa perjanjian termasuklah Perjanjian

* Ahmad Farhan ialah calon Doktor Falsafah di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Makalah ini adalah kemas kini daripada “Kedah, Perak, Selangor dan Rattanakosin: Menjejak Peristiwa Utama Ke arah Termeterai Perjanjian 1826”, Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (editor), *KEDAH Warisan dan Sejarah*, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 2012, hlm. 142-181.

1826 dimeterai untuk mengagalkan Rattanakosin menguasai kerajaan Melayu. Perjanjian 1826 dikenali sebagai Perjanjian Burney yang melibatkan British dengan Rattanakosin. Sehubungan itu, makalah ini menghuraikan reaksi golongan pemerintah Kedah, Perak dan Selangor terhadap usaha Rattanakosin dan British tersebut.

Sepintas Lalu Kerajaan Kedah, Perak, Selangor dan Rattanakosin

Kedah, Perak, dan Selangor masing-masing mempunyai jurai keturunan tersendiri. Kerajaan ini berada dalam lingkungan Semenanjung Tanah Melayu. Kedah adalah kerajaan tertua antara ketiga kerajaan Melayu tersebut. Selangor pula adalah kerajaan termuda antara tiga kerajaan tersebut. Namun begitu, Kedah, Perak, dan Selangor dirujuk sebagai kerajaan Melayu.

Jika dibandingkan kerajaan Rattanakosin dengan Kedah, Perak, dan Selangor, Sukhotai kedua tertua kerana ditubuhkan pada abad ke-13. Dalam pada itu, kerajaan Rattanakosin berada dalam lingkungan Tanah Besar, politik, ekonomi, sosial, dan budayanya berbeza dengan kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

Kedah mempunyai dua sumber mengenai pengasasan kerajaan iaitu *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Menurut *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, pengasas kerajaan Kedah adalah Maharaja Durbar Raja, dan kerajaan baginda dikenali sebagai Qalha atau Kadaram.¹ Maharaja Durbar Raja adalah daripada keturunan Raja Parsi. Menurut *Hikayat Merong Mahawangsa*, pengasas kerajaan Kedah adalah Raja Merong Mahawangsa.² Raja Merong Mahawangsa adalah daripada keturunan Raja Rom, dan mempunyai kaitan dengan Nabi Ibrahim Alaihimi Salam, dan Iskandar Zulkarnain.³

-
- 1 Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 1968, hlm. 3-6.
 - 2 Untuk maklumat, sebelum dikenali sebagai Kedah, kerajaan Raja Merong Mahawangsa dikenali sebagai Langkasuka. Selepas Raja Merong Mahapudisat ditabalkan sebagai Raja oleh Raja Merong Mahawangsa, ayahanda baginda, Langkasuka dikenali sebagai Negeri Kedah Zamin Turan. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Siti Hawa Saleh (Diselenggarakan), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970, hlm. 13 dan 33, Abdullah Hj. Musa Lubis, *Kesah Raja Marong Maha Wangsa*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1965, hlm. 77, dan James Low, "A Translation of the Keddah Annals Termed Marong Mahawangsa, and Sketches of the Ancient Condition of Some of the Nations of Eastern Asia, With References to the Malays", J. R. Logan (Ed), *JIAEA*, Vol. III, Singapore, 1849, hlm. 9.
 - 3 Iskandar Zulkarnain adalah putera Raja Philips II, Raja Makedonia (359 sebelum masihi-336 sebelum masihi). Selepas Raja Philips II mangkat, Iskandar Zulkarnain dilantik sebagai Raja Makedonia baharu (336 sebelum masihi-323 sebelum masihi) dan menguasai kerajaan di sebelah Barat dan Timur. Iskandar Zulkarnain memainkan peranan penting dalam membina tembok besi campuran tembaga antara Bukit Chatkal dengan Bukit Fergana. Pembinaan ini dilakukan untuk menghalang kaum Yajjuj dan Makjuj melakukan kerosakan di muka bumi. Iskandar Zulkarnain menganut agama Allah Subhanahuwataala melalui ahli kitab Yahudi di Palestin. Keturunan Iskandar Zulkarnain yang digelar sebagai Sailendra membina kerajaan di alam Nusantara. Seterusnya, dari sini, keturunan Sailendra melahirkan raja Melayu dan Jawa seperti Melaka, Aceh, dan Mataram Kuno. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Muhammad Alexander, *Yajjuj dan Makjuj: Bencana di Sebalik Gunung*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn., Bhd., 2010, hlm. 114-119, Muhammad Alexander, *Alexander adalah Zulqarnain*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010, hlm. 9-10, 22-29, 37-40, 48-57, 234-239, dan 602-610, Muhammad Alexander, *Yajjuj dan Makjuj: 5 Gelombang Pembawa Bencana*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn., Bhd., 2011, 448-461, Tun Suzana Tun Hj. Othman, *Institusi Bendahara; Permata Melayu yang Hilang: Dinasti Bendahara Johor-Pahang*, Kuala Lumpur: Pustaka BSM Enterprise, 2002, hlm. 10, Jelani Harun (Penyelenggara), *Bustan Al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 2004, hlm. 319, dan Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1964, hlm. 105.

Keturunan Raja Merong Mahawangsa bernama Raja Phra Ong Mahawangsa memeluk agama Islam pada tahun 1136.⁴ Berikutan memeluk agama Islam, Raja Phra Ong Mahawangsa memakai gelaran Sultan Mudzafar Syah. Sultan Mudzafar Syah adalah Sultan Kedah Islam pertama, dan keturunan baginda mengamalkan agama Islam sehingga kini. Pusat pentadbiran Sultan Mudzafar Syah adalah di Bukit Meriam kerana baginda berhasrat meneruskan kesinambungan keturunan baginda terdahulu.⁵

Perak adalah salah sebuah kerajaan kesinambungan Melaka.⁶ Selepas bandar Melaka ditakluk Portugis pada tahun 1511, Sultan Ahmad, dan Sultan Mahmud, ayahanda baginda, dan bekas Sultan Melaka, berundur, dan akhirnya bersemayam di Bintan. Apabila Sultan Ahmad dibunuh, pemerintahan kerajaan Melaka diambil alih semula oleh Sultan Mahmud. Sultan Mahmud memerintah kerajaan Melaka berpusat di Bintan, dan kemudiannya, disebabkan pusat pentadbiran baginda di Bintan diserang, dan ditakluk Portugis pada tahun 1526, baginda berundur ke Kampar. Sultan Mahmud mangkat di Kampar pada tahun 1528, dan dikenali sebagai marhum Kampar.⁷ Putera baginda, Raja Ali mengasaskan kerajaan Johor pada tahun 1528, bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah.⁸ Manakala putera baginda seorang lagi, Raja Muzaffar mengasaskan kerajaan Perak, juga pada tahun 1528.⁹ Selepas Raja Muzaffar dilantik dan ditabalkan sebagai Sultan Perak pertama, baginda memakai gelaran sebagai Sultan Muzaffar Syah. Menurut *Sejarah Melayu* dan *Misa Melayu*, jurai keturunan Sultan Muzaffar Syah adalah daripada keturunan Iskandar Zulkarnain.¹⁰ Sultan Muzaffar Syah menjadikan Tanah Abang sebagai pusat pentadbiran Perak pada tahun 1528.

Kesultanan Selangor pula diasaskan oleh Raja Lumu, putera Daeng Chelak pada tahun 1766.¹¹ Kesan Raja Lumu dilantik, dan diiktirafkan sebagai Sultan Selangor pertama oleh

4 *The Burney Papers*, Volume V, Part I, James Low, Chapter 2, The Malay Annals, 20 April 1837.

5 Khalid bin Ashari, "Catuan Makanan di Bukit Meriam", Khoo Kay Kim (Disunting), *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 30-31.

6 Sebagai tambahan, kerajaan Melaka pernah berperang, dan berurusan dengan kerajaan Rattanakosin. Misalnya, pada tahun 1340, Tun Perak berjaya mematahkan serangan tentera Rattanakosin terhadap Semenanjung Melaka. Misalnya, pada tahun 1376, Sultan Mansur Shah mengutuskan surat kepada Raja Rattanakosin untuk mengadakan hubungan diplomatik. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *Treaties and Engagements Entered into with or Affecting the Native States of the Malayan Peninsula*, Part I, Report the Treaties and Engagements with the Native States of the Malayan Peninsula, Anterior to 1860, SP 12/125, Sir Ahelstane Swettenham, *An Account of the Origin and Progress of Rattanakosinese Influence in the Malay Peninsula 1785 to 1882*, *The Burney Papers*, Volume II, Part III, Minute by the President, 24 September 1825, *The Burney Papers*, Volume V, Part I, James Low, Chapter 2, The Malay Annals, 20 April 1837, dan Muhd. Yusof Ibrahim, *Tun Perak: Pencetus Wawasan Empayar Melaka*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers, 2009, hlm. 58-66.

7 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kesultanan Melaka, 1400-1511: Menjejaki Hubungan Sejarah di Antara Melaka dengan Rokan, Inderagiri, Kampar, dan Siak Pada Kurun ke-15, dan ke-16", *Purba*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 23, 2004, hlm. 79.

8 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Empayar Melaka, dan Pengantarabangsaan", Abd. Karim bin A. Bakar (Penyelaras), *Empayar Melaka Tradisi Agung Melayu*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2010, hlm. 55 dan Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kesultanan Johor, 1528-1885", Abdullah Zakaria bin Ghazali, dan Zainal Abidin Borhan (Editor), *Johor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994, hlm. 20.

9 A/SUL, Salasilah Keturunan Raja-raja Pemerintah Negeri-negeri Tanah Melayu Malaysia.

10 Muhammad Haji Salleh, *Sulalat al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 1997, hlm. 3-10, dan 21, dan Ahmad Fauzi Mohd. Basri (Diselenggarakan), *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 1.

11 J/SUL, Family Tree Sultan of Johore and Bugis.

Sultan Mahmud Syah II, Sultan Perak ke-16, baginda memakai gelaran Sultan Salehuddin.¹² Sultan Salehuddin adalah keturunan kerabat raja Johor dan leluhur baginda dari raja Bugis Luwu'. Leluher keturunan Sultan Salehuddin mempunyai dua sumber iaitu menurut budaya Bugis di Sulawesi Selatan adalah daripada keturunan I La Galigo, dan menurut *Tuhfat al-Nafis*, dan *Salasilah Melayu dan Bugis* adalah daripada keturunan Nabi Sulaiman Alaihimi Salam dengan Puteri Balkis.¹³ Sultan Salehuddin menjadikan Kuala Selangor sebagai pusat pentadbiran Selangor pada tahun 1766.

Kerajaan Siam bermula dengan Sukhotai yang diasaskan oleh Pho Khun Sri Indrayita pada tahun 1239, dan dikenali sebagai Dinasti Phra Ruang.¹⁴ Namun begitu, kerajaan Ayutthaya diasaskan oleh Somdet Phra Chao Uthong pada tahun 1351, berjaya mengalahkan, dan mengambil alih kerajaan Sukhotai.¹⁵ Seterusnya, Ayutthaya dikalahkan, dan dimusnahkan oleh kerajaan Konbaung pada tahun 1767.¹⁶ Selepas kerajaan Ayutthaya musnah, Somdet Phra Chao Taksin Maharat membina kerajaan Tonburi pada tahun 1768.¹⁷

Pada tahun 1782, pemberontakan berlaku antara Somdet Phra Chao Taksin Maharat dengan Jeneral Maha Kshatriyaseuk. Jeneral Maha Kshatriyaseuk berjaya mengalahkan Tonburi pada tahun 1782.¹⁸ Jeneral Maha Kshatriyaseuk dilantik sebagai Raja Rattanakosin

-
- 12 CO 439/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1889, dan SP 79/3, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor.
 - 13 R. A. Kern, *I La Galigo*, Jakarta: Gadjah Mada University Press, 1993, hlm. 1-19, A. S. Kambie, *Akar Kenabian Sawerigading*, Makassar: Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin, 2003, hlm. 220-226, Raja Ali Haji, *The Precious Gift: Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 25-26, dan Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan), *Salasilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, hlm. 8, dan 9.
 - 14 Betty Gosling, *Sukhothai Its History, Culture and Art*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 20, Wendell Blanchard, *Thailand*, New Haven: Hraf Press, 1958, hlm. 25, dan Par Mgr Pallegoix, *Description du Royaume Thai ou Rattanakosin*, Tome Second, Westmead: Gregg International Publishers Limited, 1969, hlm. 74-75.
 - 15 Charnvit Kasetsiri, *The Rise of Ayudhya: A History of Rattanakosin in the Fourteenth and Fifteenth Centuries*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976, hlm. 76, Steve Van Beeck, *The Chao Phya River in Transition*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 31, John Bowring, *The Kingdom and People of Rattanakosin*, London: Oxford University Press, 1969, hlm. 35, Keith W. Taylor, "The Early Kingdoms", Nicholas Tarling (Ed), *The Cambridge History of Southeast Asia, Volume One, From Early Times to C. 1500*, Cambridge: Cambridge University Press, 1992, hlm. 170, dan George Coedes, *Asia Tenggara Masa Hindu-Buddha*, Jakarta: KPG, 2010, hlm. 299.
 - 16 Alaungpaya adalah pengasas Dinasti Konbaung, kerajaan Burma, pada tahun 1752. Pada bulan April 1760, Alaungpaya, Raja Burma pertama (1752-1760), menyerang Ayutthaya dan mangkat pada bulan Jun 1760. Seterusnya, Hsinbyushin, putera Alaungpaya, dan Raja Burma ke-3 (1763-1776), meneruskan kesinambungan ayahandanya menyerang kerajaan Ayutthaya pimpinan Somdet Phra Chao Ekkathat pada tahun 1766. Akhirnya, pada tahun 1767, Hsinbyushin menyerang habis-habisan dan memusnahkan kerajaan Ayuthia. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Dhiravat na Pomberja, "Ayutthaya at the End of the Seventeenth Century: Was There a Shift to Isolation?", Anthony Reid (Ed), *Southeast Asia in the Early Modern Era: Trade, Power, and Belief*, London: Cornell University Press, 1993, hlm. 271, D. G. E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 1979, hlm. 495-496, dan Martin Smith, *Burma: Insurgency and the Politics of Ethnicity*, London: Zed Books Ltd., 1999, hlm. 397.
 - 17 Walter F. Vella, *Rattanakosin Under Rama III 1824-1851*, New York: J. J. Augustin Incorporated Publisher, 1957, hlm. 59, dan Rattiya Saleh, *Panji Thai Dalam Perbandingan Dengan Cerita-cerita Panji Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 11.
 - 18 Michael Smithies, *Old Bangkok*, Singapore: Oxford University Press, 1986, hlm. 2, David Joel Steinberg (Ed), *In Search of Southeast Asia: A Modern History*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 108, dan J. G. D. Campbell, *Rattanakosin in the Twentieth Century: Being the Experiences and Impressions of a British Official*, London: Edward Arnold, 1904, hlm. 80.

dan memakai gelaran Phra Bat Somdet Phra Poramintharamaha Chakri Borommanat Phra Buddha Yodfa Chulaloke pada tahun sama.¹⁹ Baginda dikenali sebagai Rama I. Kerajaan Rama I dikenali sebagai Rattanakosin di bawah Dinasti Chakri. Rama I menjadikan Bangkok sebagai pusat pentadbiran Rattanakosin.

Menurut *Hikayat Raja-raja Rattanakosin*, Raja Rattanakosin adalah dari keturunan bangsa jin, dewa, dan mambang.²⁰ Keturunan Raja Rattanakosin ini berkahwin dengan keturunan kera yang berasal daripada manusia pada zaman Nabi Musa Alaihim Salam. Mereka disumpah kerana melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Allah Subhanahuwataala. Keturunan kera ini mempunyai hubungan dengan asal usul Kera Hanuman, dan berkahwin dengan babi, anjing, dan orang utan. Berdasarkan keturunan tersebut, Tinang Sura Madin dilantik sebagai Raja Rattanakosin. Namun begitu, Tinang Sura Madin dibunuh oleh Khun Luang Boromma Kot. Seterusnya, Khun Luang Boromma Kot melantik diri sendiri menjadi Raja Rattanakosin.

Hubungan Diplomatik Kedah-Rattanakosin dan Penaklukan Rattanakosin Pada Tahun 1821

Hubungan Kedah, dan Rattanakosin bermula pada awal abad ke-17. Hubungan ini terjalin kerana Aceh berhasrat menguasai Kedah, dan mengawal aktiviti perdagangan di Selat Melaka. Sehubungan itu, Kedah memohon bantuan Ayutthaya menentang Aceh.

Pada tahun 1619, Aceh menyerang Kedah kerana berlaku persaingan dalam perdagangan lada di Selat Melaka. Selepas Aceh berjaya menguasai Kedah, Sultan Sulaiman Syah II, Sultan Kedah ke-12, bersama-sama 7,000 rakyat Kedah ditangkap, dan dibawa ke Aceh oleh Sultan Iskandar Muda, Sultan Aceh ke-12.²¹ Ketika Sultan Sulaiman berada di Aceh, Tunku Rijaluddin, putera baginda, dilantik sebagai Sultan Kedah ke-13, dan memakai gelaran Sultan Rijaluddin Muhammad Syah pada tahun 1619.

Ketika pemerintahan Sultan Rijaluddin, pada tahun 1621, baginda memohon bantuan dari Ayutthaya kerana mendapat khabar bahawa Sultan Iskandar Muda akan menyerang kerajaan Kedah. Ayutthaya menghantar 2,000 askar membantu Kedah. Namun begitu, Aceh tidak menyerang Kedah pada tahun itu. Kesan bantuan tersebut, Kedah menjalinkan hubungan dengan Ayutthaya pada tahun sama untuk mendapatkan perlindungan daripada ancaman luar.

Perkembangan hubungan tersebut menyebabkan Kedah berada dalam lingkungan pengaruh pentadbiran Ayutthaya secara tidak langsung. Kerajaan Kedah dikehendaki

-
- 19 Somdet Chao Phraya adalah pangkat tertinggi dalam pentadbiran Rattanakosin, dan hanya dipakai untuk Raja Rattanakosin. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Tej Bunnag, *The Provincial Administration of Rattanakosin 1892-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 7.
- 20 Halimah Hassan, *Hikayat Raja-raja Rattanakosin: Satu Kajian Perbandingan Naskhah, Siri Seminar Bulanan Naskhah Melayu ke-6, Anjuran Bersama Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera, dan Sains Sosial, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, dan Perpustakaan Negara Malaysia*, 2011, hlm. 4.
- 21 Selain kerajaan Kedah, kerajaan Aceh turut menguasai kerajaan Johor, Pahang, dan Perak pada abad ke-17. Namun begitu, kerajaan Aceh tidak berjaya menguasai bandar Melaka yang ditadbir oleh Portugis. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Denys Lombard, *Kerajaan Aceh Zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*, Jakarta: KPG, 2007, hlm. 134-145, Jim Baker, *Crossroads A Popular History of Malaysia&Singapore*, Kuala Lumpur: Times Book International, 1999, hlm. 67, dan K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, London: Eastern Universities Press Ltd., 1964, hlm. 55.

menghantar Bunga Emas, dan Perak kepada Ayutthaya setiap tiga tahun sekali.²² Penghantaran ini dirujuk oleh kerajaan Rattanakosin bahawa kerajaan Kedah adalah di bawah pentadbirannya.²³ Namun begitu, bagi Sultan Kedah, penghantaran Bunga Emas, dan Perak adalah sebagai tanda persepakatan, dan persahabatan dengan Ayutthaya.

Hubungan Kedah dengan Ayutthaya berkekalan, dan berkembang sehingga tahun 1821. Sementara itu, pada tahun 1767, Ayutthaya musnah akibat serangan Burma. Selepas kejatuhan Ayutthaya, Kedah, dan daerah lain seperti Ligor, Singgora, dan Patani bebas daripada pentadbiran tersebut. Seterusnya Tonburi ditubuhkan pada tahun 1768. Raja Taksin berjaya menguasai semula beberapa daerah yang berpecah termasuk Kedah. Kedah diminta oleh Raja Taksin menghantar Bunga Emas, dan Perak. Namun begitu, hubungan Kedah, dan Siam terganggu. Hubungan ini berterusan sehingga kerajaan Rattanakosin menguasai Kedah pada tahun 1821. Walaupun hubungan terganggu, Rattanakosin mengiktirafkan Sultan Kedah sebagai Phraya Saiburi sehingga pada tahun 1818.²⁴ Gelaran Phraya Saiburi ini menunjukkan bahawa Kedah adalah di bawah pentadbiran Rattanakosin.²⁵

Ketika Rattanakosin di bawah pimpinan Rama I, baginda berhasrat mengukuhkan semula kedudukan Kedah sebagai jajahan dalam pentadbiran Rattanakosin pada awal abad ke-19.²⁶ Rama I bertindak sedemikian kerana hubungan antara Kedah, dan Rattanakosin semakin berkurangan setelah kejatuhan Ayutthaya ke tangan Burma pada tahun 1767. Tambahan lagi, Sultan Muhammad Jiwa Zainail Adilin II, Sultan Kedah ke-19 (1710-1778), Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-20 (1778-1798), dan Sultan Dhiauddin, Sultan Kedah ke-21 (1798-1804) mengadakan hubungan diplomatik dengan SHTI kerana sering menghadapi ancaman luar seperti Rattanakosin.²⁷ Dalam pada itu, Kedah menghadapi ancaman politik dalaman iaitu kerabat raja Kedah.

-
- 22 Bunga Emas, dan Perak digambarkan seperti berikut, "Segala peralatan, dan bahan-bahan yang digunakan berdasarkan tumbuhan, flora, dan fauna yang diperolehi di negeri itu. Kerana itu terdapat nama-nama kayu yang digunakan seperti cengal, kemuning di samping menggunakan emas, dan perak yang bermutu. Dalam mencipta daun, dan kuntum-kuntum bunga yang kecil, dan besar, biasanya diambil dari contoh-contoh daun, dan bunga tempatan, kerana itu nama-nama seperti daun hinai, bunga lawang, pucuk rebung, buah jeruju sering disebut sebagai perbandingan. Setiap pohon tingginya tidak kurang daripada 1.8 meter. Bentuknya bertingkat-tingkat, berdahan, dan beranting pada setiap tingkat. Di Kedah belanja membiayai pohon Bunga Emas, dan Bunga Perak itu bernilai lima ribu ringgit". Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Chayachoke Chulasirivongs, *Thai-British Relations Concerning the Southern Malay States 1880-1899*, London: University Microfilms International, 1981, hlm. 6, Wan Shamsudin Mohd Yusof, Bunga Emas dalam Konteks Hubungan Negeri-negeri Melayu dan Rattanakosin, Kumpulan Kertas Kajian Majlis Wacana Warisan: 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909, Arkib Negara Malaysia, 12-13 Mei 2009, Auditorium Arkib Negara Malaysia, hlm. 9, dan *The Burney Papers*, Volume II, Part III, From John Anderson to the Acting Secretary to Government, 15 September 1825.
- 23 Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 77.
- 24 Phraya Saiburi adalah bahasa Thailand. Phraya bermaksud Gabenor, dan merupakan pangkat ketiga tertinggi dalam sistem pentadbiran Rattanakosin. Saiburi pula bermaksud Kedah. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Chayachoke Chulasirivongs, *Thai-British Relations Concerning the Southern Malay States 1880-1899*, hlm. xxi, dan *The Burney Papers*, Volume II, Part I, From H. Burney, Remarks, 28 January 1825.
- 25 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Negeri Melayu dan Thailand, 1781-1945: Hubungan dan Pentadbiran", *Malaysia dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 24, 1996, hlm. 89.
- 26 Klaus Wenk, *The Restoration of Thailand Under Rama I 1782-1809*, Tuscon: The University of Arizona Press, 1968, hlm. 100.
- 27 Syarikat Hindia Timur Inggeris ditubuhkan pada 31 Disember 1600. Seterusnya, diringkaskan dan dirujuk sebagai SHTI. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSFR/G. 134/1752-1802, For the East India Company Respecting a Proposal Establishment at the Island of Penang Now Called Prince of Wales's Island in the Straits Settlement of Malacca in the East Indies, 20 February 1805, SSFR/G. 134/1752-1802, From Captain of Engineer to the Governor of the Fort William, 1 September 1787, dan Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah Perdagangan Bebas*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 5.

Sultan Muhammad Jiwa membuat tawaran pada tahun 1772; Sultan Abdullah, tawaran pada tahun 1786, dan Perjanjian 1791, dan Sultan Dhiauddin, Perjanjian 1800 dengan SHTI.²⁸ Tujuan utama mereka bertindak sedemikian untuk melindungi Kedah daripada ancaman Rattanakosin kerana Rama I menyatakan bahawa Kedah adalah di bawah pentadbiran mereka. Namun begitu, perjanjian tersebut adalah tipu helah SHTI semata-mata kerana apabila kerajaan Rattanakosin menyerang Kedah, SHTI tidak memberi sebarang bantuan ketenteraan.²⁹ Malah, SHTI hanya membayar ganti rugi kepada Kedah. Faktor utama menyebabkan SHTI bertindak sedemikian kerana mereka tidak berhasrat menjejaskan hubungan diplomatik dengan Rattanakosin.³⁰ Dalam pada itu, SHTI tidak berhasrat merosakkan perdagangan teh di Canton kerana Rattanakosin adalah sebahagian daripada kerajaan Qing (1636-1912).³¹

Menurut tawaran pada tahun 1772, Sultan Muhammad Jiwa membenarkan SHTI memajak di Kuala Kedah.³² Sultan Muhammad Jiwa bertindak sedemikian kerana menghadapi ancaman Bugis.³³ Sebagai balasan, SHTI akan membantu, dan melindungi Kedah sekiranya menghadapi ancaman luar. Sehubungan itu, hubungan Kedah dengan SHTI terjalin pada tahun tersebut.

Menurut tawaran Sultan Abdullah dengan Sir Francis Light pada tahun 1786, SHTI perlu membantu sekiranya menghadapi ancaman luar, dan membenarkan SHTI menduduki

-
- 28 FO 69/242, Treaty Between Great Britain and Rattanakosin, Respecting Quedah, 6 May 1869.
- 29 Menurut Kapten Henry Burney, kerajaan Kedah adalah sebahagian dalam pentadbiran Rattanakosin, dan SHTI tidak terlibat dalam sebarang janji untuk membantu Kedah sekiranya diserang oleh kerajaan Rattanakosin. Pandangan ini juga diterima pakai oleh John Crawford, dan James Low. Namun begitu, berdasarkan pandangan John Anderson, beliau menyatakan Kedah adalah kerajaan merdeka daripada pentadbiran Rattanakosin. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam CO 273/1, From Henry Burney to James C. Melvill, Julai 1846, D. G. E. Hall, *Henry Burney: A Political Biography*, London: Oxford University Press, 1974, hlm. 18-20, Abdullah Zakaria Ghazali, "Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Rattanakosin", Badriyah Haji Salleh, dan Tan Liok Ee (Penyelenggara), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 1997, hlm. 257-258, dan R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 76.
- 30 Sejak 1817, British di Pulau Pinang menjalankan aktiviti perdagangan dengan kerajaan Rattanakosin. Perkembangan perdagangan antara British dan Rattanakosin meningkat pada tahun 1820-1821 yang memberi keuntungan kepada British sebanyak \$207,750. Perdagangan yang dijalankan oleh British ialah mengimpor gula dari Rattanakosin dan mengeksport candu dan sutera dari India ke Rattanakosin. Untuk keterangan lanjut, L. A. Mills, "British Malaya 1824-67", *JMBRAS*, Singapore: MBRAS, Volume 33, Part 3, 1960, hlm. 155, dan *The Crawford Papers*, Hasting, J. Adam and John Fendall to the Honorable the Court of Directors for Affairs of the Honorable the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, 23 November 1821.
- 31 Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, Oxford: Oxford University Press, 2001, hlm. 64.
- 32 R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, hlm. 44.
- 33 Raja Haji adalah putera Daeng Chelak dan adik Sultan Salehuddin. Raja Haji dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor ke-IV (1777-1784). Raja Haji adalah seorang pahlawan Johor yang terkenal dan disegani. Raja Haji menyerang Kedah pada akhir abad ke-18. Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam M. C. Ricklefs, *A History of Modern Indonesia Since C. 1200*, California: Stanford University Press, 2001, hlm. 89, Bima (Ed), *Pahlawan Indonesia*, Jakarta: Media Pusindo, 2007, hlm. 17, SP 368/16, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Sekapor Sireh: Haji Raja Abd. Rahin bin Mansor, Pulau Penyengat, Riau, Indonesia, SP 368/21, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Salinan Salasilah Raja Melayu Bugis di Nusantara, SP 368/21, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, The Dynasty of Rajahs of Rhio and Salangore, Descended from the Rajah of Bugis, Country Loo-'Ok, Rajah Bot ben Raja Jama'at; Taken from the History of Rhio and Salangore, Mahani Musa, "Pulau Pinang Sebelum 1786", *Malaysia dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 32, 2004, hlm. 3, dan Mohd. Isa Othman, "Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman: Sebuah Dokumentasi Sejarah Politik", *Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2010, hlm. 48.

Pulau Pinang.³⁴ Berkuat kuasa artikel pertama, “Bahawa SHTI bertindak sebagai Pengawal Laut; dan sesiapa yang berhasrat menyerang Sultan Kedah, mereka akan menjadi musuh kepada SHTI, dan perbelanjaan tersebut ditanggung oleh SHTI. Kerajaan ini sentiasa berjaga-jaga dengan meletakkan kapal perang untuk mengawal Pulau Pinang, dan persisiran pantai, di bawah pengaruh Sultan Kedah”.³⁵

Berkuat kuasa artikel ke-3, “...dan Jeneral-Gabenor membenarkan SHTI membayar sebanyak \$30,000 Sepanyol kepada Sultan Kedah setiap setahun. Jeneral-Gabenor dalam Majlis, sebahagian daripada SHTI, akan menjaga Sultan Kedah daripada menderita dengan pentadbiran Inggeris yang akan ditubuhkan di Pulau Pinang”.³⁶ Berikutan tawaran ini, SHTI wajib memberi pertolongan kepada Kedah sekiranya diancam oleh luar. Begitu juga menurut surat Light pada 17 Mei 1787:

Pototlah kita per-buat per-janjian dengan Sultan Kedah pda masa orang Rattanakosin dan orang Burmah memberi dahshat kepada-nya dan saya piker tiada lain yang terlebih baik dari-pada akuan diatas jaga-an kepada Sultan itu jikalau orang Rattanakosin melanggar Negri Kedah kita kena tulong di-dalam peperangan itu atau ber-perang ya apa sama sendiri...³⁷

SHTI melanggar tawaran ini terutamanya artikel pertama dan ke-3 kerana tidak memberi bantuan tentera kepada Kedah apabila diserang oleh Rattanakosin, dan hanya membayar sebanyak \$10,000 Sepanyol kepada Sultan Abdullah. Namun begitu, bagi SHTI, pada peringkat awal, tawaran ini tidak dipersetujui oleh mereka. Light menyakinkan SHTI tentang tawaran ini dan memberi jawapan kepada beliau nanti. Light menunggu jawapan dari India tetapi tidak kesampaian dan tidak berhasrat berundur dari Pulau Pinang. Tindakan Light ini sebagai satu pencabulan terhadap undang-undang antarabangsa dan dianggap tidak sah.³⁸ Seterusnya, Perjanjian 1791 dilaksanakan kerana SHTI berhasrat memulihkan, dan mengukuhkan kedudukan mereka di Pulau Pinang.

Menurut Perjanjian 1791, Sultan Abdullah membenarkan SHTI menduduki Pulau Pinang. Perjanjian 1791 termetarai kerana Kedah dikalahkan dalam perang yang berlaku di Seberang Perai pada tahun tersebut. Berdasarkan artikel pertama, “SHTI akan memberikan \$6,000 Sepanyol kepada Sultan Kedah setiap setahun, selagi Inggeris kekal memiliki Pulau Pinang”.³⁹ Perjanjian ini dilaksanakan untuk memulihkan, dan memelihara hubungan Kedah

34 Untuk keterangan lanjut mengenai tawaran Sultan Abdullah kepada Light, lihat dalam, Abdullah Zakaria Ghazali, “Kedah Kurun ke-18 dan ke-19: Menghadapi Cabaran Bugis, British dan Rattanakosin”, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 34, 2006, hlm. 29-30, dan R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, hlm. 73-74, dan 177-178.

35 William George Maxwell and William Sumner Gibson (Eds), *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*, London: Truscott & Son, Ltd., 1924, hlm. 95.

36 *Treaties and Engagements Entered into with or Affecting the Native States of the Malayan Peninsula*, Part I, Agreement with the King of Quedah, for the Cession of Prince of Wales' Island, in 1786.

37 Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah*, Penang: The British Malaya Press Ltd., 1911, hlm. 7.

38 Mahani Musa, “Kawasan Penempatan Melayu Sebelum dan Selepas Kedatangan Francis Light”, Sohaimi Abdul Aziz (Ed), *Dari Tanjung Penaga ke George Town*, Pulau Pinang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan Malaysia, 2007, hlm. 38.

39 *Treaties and Engagements Entered into with or Affecting the Native States of the Malayan Peninsula*, Part I, Treaty with the King of Quedah, 1791.

dengan SHTI. Di samping itu, Kedah mendapat perlindungan daripada SHTI sekiranya menghadapi ancaman dari luar.

Menurut Perjanjian 1800, Sultan Dhiauddin menyerahkan Seberang Perai kepada SHTI. Berkuat kuasa artikel ke-2, SHTI berhasrat menjadikan Seberang Perai sebagai benteng pertahanan sekiranya diserang dari Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁰ Perjanjian ini dikuatkuasakan pada tahun 1802.⁴¹ Berkuat kuasa artikel pertama, dalam perjanjian ini, Sultan Dhiauddin diberi pampasan sebanyak \$10,000 Sepanyol setiap setahun.⁴² SHTI pula wajib memberi bantuan sekiranya Kedah di serang Rattanakosin di Tanah Besar Semenanjung.

Berdasarkan perjanjian tersebut, hubungan Kedah dengan Rattanakosin semakin renggang. Rama I tidak menyenangi tindakan Sultan Abdullah dan Sultan Dhiauddin melaksanakan perjanjian 1791 dan perjanjian 1800 dengan SHTI kerana perjanjian ini dilaksanakan tanpa pengetahuan baginda.⁴³ Namun begitu, Rattanakosin tidak melaksanakan sesuatu terhadap Kedah.⁴⁴ Rattanakosin tidak bertindak kerana dalam proses pemulihan akibat kejatuhan Ayutthaya pada tahun 1767.

Pada awal abad ke-19, Rattanakosin bangkit untuk memulihkan hubungan dengan Kedah, dan berhasrat menguasai seluruh kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Sejak awal abad ke-19 sehingga termetarainya Perjanjian Burney 1826, Rattanakosin di bawah pimpinan Rama I (1782-1809), Phra Bat Somdet Phra Poramenthramaha Isarasundhorn Phra Buddha Loetla Nabhalai, dan dikenali sebagai Rama II (1809-1824), dan Phra Bat Somdet Phra Poramintharamaha Jessadabodindra Phra Nangklao Chao Yu Hua, dan dikenali sebagai Rama III (1824-1851) berusaha mencapai impian tersebut.⁴⁵ Namun begitu, impian baginda raja gagal dipenuhi kerana Perjanjian Burney 1826 dilaksanakan antara British dengan Rattanakosin.⁴⁶

Rama II yang berpusat di Bangkok memerintahkan Ligor untuk memulihkan hubungan dengan Kedah, dan menguasai seluruh kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Singgora turut diperintahkan oleh Rama II untuk menguasai Patani dan Terengganu. Ligor memainkan peranan penting dalam usaha mencapai impian kerajaan Rattanakosin pada abad ke-19 kerana kerajaan bertaraf Chao Phraya, dan daerah kelas pertama dalam pentadbiran baginda raja yang dipilih untuk melaksanakan operasi penguasaan seluruh kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁷

40 *Treaties and Engagements Entered into with or Affecting the Native States of the Malayan Peninsula*, Part I, Treaty with the King of Quedah, 1800.

41 *The Burney Papers*, Volume III, Part I, From Geo Swinton to John Pattullo, 30 April 1830.

42 *Treaties and Engagements Entered into with or Affecting the Native States of the Malayan Peninsula*, Part I, Treaty with the King of Quedah, 1800.

43 D. G. E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 554.

44 Walter F. Vella, *Rattanakosin Under Rama III 1824-1851*, hlm. 63.

45 *The Crawford Papers*, From John Crawford to G. Swinton, 7 October 1824, Ronald Bishop Smith, *Rattanakosin or the History of the Thais from 1569 A. D. to 1824 A. D.*, Maryland: Decatur Press, Inc., 1967, hlm. 114, 118, 125, dan 128, Constance M. Wilson, and Lucien M. Hanks, *The Burma-Thailand Frontier Over Sixteen Decades: Three Descriptive Documents*, Ohio: Ohio University Press, 1988, hlm. 9, dan Abbot Low Moffat, *Mongkut: The King of Rattanakosin*, New York: Cornell University Press, 1962, hlm. 2, dan 10.

46 FO 422/25, Memorandum Respecting of Rattanakosin Over the States of Tringganu and Kalantan, 21 March 1889.

47 Berdasarkan surat Chao Phraya Ligor bertarikh 1 Ogos 1818, beliau memainkan peranan penting dalam penguasaan kerajaan Melayu di sini. Tambahan lagi, Chao Phraya Ligor berkuasa dalam mengarahkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menyerang dan menguasai kerajaan Perak pada awal abad ke-18. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSR/LFNL/F. 1/January 1817-March 1819, Translation of a Letter from the Rajah of Ligor to the Rajah of Kedah, 1 August 1818, Walter F. Vella, *Rattanakosin Under Rama III 1824-1851*, hlm. 61, *The Burney Papers*, Volume II, Part I, From Burney, Remarks, 28 January 1825, dan Par Mgr Pallegoix, *Description du Royaume Thai ou Rattanakosin*, Tome Premier, Westmead: Gregg International Publishers Limited, 1969, hlm. 26.

Ligor cemburu terhadap Kedah kerana diangkat sebagai Chao Phraya sekali gus jajahan kelas pertama oleh Rama II pada tahun 1818.⁴⁸ Perasaan cemburu timbul kerana hasrat sebenar Chao Phraya Ligor adalah untuk meletakkan Kedah di bawah jajahannya, dan melantik Sultan Kedah sebagai pesuruhjaya dalam kerajaan beliau. Namun begitu, pada tahun 1818, berdasarkan panji Siam, Kedah berjaya menguasai Perak dan mendapat pangkat sebagai Chao Phraya dalam pentadbiran Rattanakosin. Berikutan kejayaan Kedah ini menyebabkan Chao Phraya Ligor gagal mencapai hasratnya, dan kedudukan Kedah adalah setaraf dengan Ligor. Seterusnya, Ligor berusaha mencari jalan untuk mendapatkan Kedah.

Ketika pemerintahan Sultan Dhiauddin, Tunku Ahmad Tajuddin mencabar kedaulatan baginda kerana berhak menerajui takhta kerajaan Kedah. Tambahan lagi, Tunku Ahmad Tajuddin adalah putera sulung Sultan Abdullah dengan pemaisuri kedua. Tunku Ahmad Tajuddin adalah waris yang sah, dan berhak menuntut takhta daripada Sultan Dhiauddin. Proses Tunku Ahmad Tajuddin mendapat takhta kerajaan Kedah mempunyai dua sumber iaitu dilantik oleh Sultan Dhiauddin, dan dilantik oleh Rama I. Menurut sumber Kedah, Tunku Ahmad Tajuddin dilantik sebagai Sultan Kedah ke-22 oleh Sultan Dhiauddin.⁴⁹ Pelantikan Tunku Ahmad Tajuddin ini terjadi kerana Sultan Dhiauddin sudah tua, dan tidak berhasrat memerintah Kedah.⁵⁰

Pelantikan ini berbeza dengan sumber yang menyatakan Rama I melantik Tunku Ahmad Tajuddin sebagai Sultan Kedah. Menurut sumber ini, Tunku Ahmad Tajuddin berhasrat menuntut takhta kerajaan Kedah, dan memohon bantuan dari Rattanakosin.⁵¹ Selain Tunku Ahmad Tajuddin, Tunku Bisnu, dan Tunku Sulaiman menuntut takhta tersebut. Sekitar tahun 1801-1802, Tunku Ahmad Tajuddin ke Singgora untuk mendapatkan sokongan Rattanakosin. Rentetan perjumpaan tersebut, Tunku Ahmad Tajuddin berjaya mempengaruhi Singgora. Usaha Tunku Ahmad Tajuddin ini berjaya kerana Rama I berhasrat memulihkan pengaruh Rattanakosin terhadap Kedah, dan tidak berpuas hati dengan tindakan Sultan Dhiauddin yang menyerahkan Seberang Perai pada tahun 1800.

Berdasarkan sokongan Rattanakosin, Tunku Ahmad Tajuddin dilantik, dan diiktirafkan sebagai Sultan Kedah. Baginda memakai gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1843).⁵² Tunku Bisnu dilantik sebagai Raja Muda Kedah. Gelaran mereka dalam pentadbiran Rattanakosin ialah Phraya Ratnasonghkham Ramaphakdi Si Sultan Muhammad Ratnarachawangsa (Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II) dan Phraya Aphainurat (Raja Muda Bisnu).⁵³ Walaupun Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II mendapat sokongan Rama I, ini tidak bermakna baginda tunduk terhadap pentadbiran Rattanakosin. Menurut surat Sultan

48 Kerajaan Kedah dianugerahkan gelaran sebagai Chao Phraya yang merupakan pangkat kedua tertinggi dalam sistem pentadbiran Rattanakosin. Chao Phya bermaksud Jeneral Gabenor. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSR/PLTL/B. 4/January 1815-Dec 1816, W. E. Phillips to the Honourable the Court of Directors for the Affairs of United Company of Merchants of England, London, 21 January 1815, dan *The Burney Papers*, Volume II, Part I, From H. Burney, Remarks, 28 January 1825.

49 Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 138-139.

50 Abdullah Zakaria Ghazali, "Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Rattanakosin", Badriyah Haji Salleh, dan Tan Liok Ee (Penyelenggara), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, hlm. 261, dan Khoo Khay Jin, "Tunku Kudin: A Scribe's Defence", *JMBRAS*, Kuala Lumpur: MRBAS, Volume 63, Part 1, 1990, hlm. 60, dan 71.

51 Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 16.

52 Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 138.

53 C. Skinner, "Prince Damrong's Introduction to the Dispatches of Luang Udom Sombat", *JMBRAS*, Kuala Lumpur: MBRAS, Volume 54, Part 2, 1981, hlm. 80.

Ahmad Tajuddin Halim Syah II; kepada Jeneral Gabenor Bengal bertarikh 23 Disember 1810, dan 20 Mei 1811, dan Sir Stamford Raffles bertarikh 20 April 1811, menunjukkan bahawa baginda tidak tunduk terhadap pentadbiran Rattanakosin.⁵⁴

Bagi Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, penghantaran Bunga Emas, dan Perak adalah sebagai tanda persahabatan sahaja. Pada tahun 1809-1810, Burma melancarkan serangan terhadap kerajaan Rattanakosin. Rattanakosin memohon bantuan tentera Kedah. Sehubungan itu, sebagai tanda persahabatan, dan kesetiaan kepada Rama II, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II memberi bantuan tentera askar menentang Burma. Berkenaan dengan pangkat Chao Phraya, menurut sumber Siam menyatakan bahawa, pada tahun 1811, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II mendapat pangkat ini kerana sumbangan baginda terhadap perang Rattanakosin-Burma 1809-1810.⁵⁵

Berikutan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menerajui pemerintahan Kedah, kedudukan baginda sebagai Sultan Kedah adalah tidak kukuh. Kedudukan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II sedemikian kerana menghadapi tentangan daripada kerabat raja Kedah seperti Tunku Daud, Tunku Bisnu, Tunku Ibrahim, dan Tunku Yaakub.⁵⁶ Tambahan lagi, kerabat raja Kedah mempunyai kuasa pentadbiran daerah masing-masing menyebabkan kuasa pentadbiran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II selaku Sultan Kedah terganggu.

Pada peringkat permulaan, Tunku Daud berhasrat menggulingkan pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II. Namun begitu, pemberontakan tersebut gagal dilaksanakan. Seterusnya, Tunku Bisnu turut menggulingkan pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. Tunku Bisnu berhasrat Kuala Muda diberikan kepadanya sebagai pembesar jajahan. Namun begitu, hasrat tersebut gagal dicapai kerana Rattanakosin campur tangan.⁵⁷ Tunku Bisnu diberikan Setul sebagai Pembesar Daerah Setul, dan jawatan baginda sebagai Raja Muda Kedah dilucutkan. Tunku Ibrahim dilantik sebagai Raja Muda Kedah baharu. Berikutan itu, Tunku Bisnu tidak berpuas hati terhadap tindakan tersebut.

Tunku Bisnu tetap berharap mendapatkan Kuala Muda dan berjumpa dengan Phraya Singgora untuk berbincang mengenai perkara tersebut.⁵⁸ Tunku Bisnu berjumpa dengan Phraya Singgora kerana Singgora adalah salah sebuah jajahan dalam kerajaan Rattanakosin yang kukuh dan berhampiran dengan Kedah. Pada bulan Januari 1808, Rattanakosin memberikan arahan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II supaya menyerahkan Kuala Muda kepada Tunku Ibrahim dan Setul masih kekal di bawah pentadbiran Tunku Bisnu. Tindakan tersebut menyebabkan Tunku Bisnu semakin tidak berpuas hati, dan berusaha mempengaruhi Singgora.

Usaha Tunku Bisnu selama 2 tahun berjaya mempengaruhi Singgora. Tunku Bisnu bersama-sama Phraya Singgora menghadap Rama II pada tahun 1810. Di Bangkok, mereka

54 Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824): A Descriptive Account with Notes and Translation*, Puchong Jaya: MBRAS, 2009, hlm. 43-48, 51-53, dan 56-57.

55 C. Skinner, "Prince Damrong's Introduction to the Dispatches of Luang Udom Sombat", *JMBRAS*, hlm. 81.

56 Wan Shamsudin Mohd. Yusof, "Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1845): Suatu Pengenalan", Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara), *Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 360.

57 C. Skinner, "Prince Damrong's Introduction to the Dispatches of Luang Udom Sombat", *JMBRAS*, hlm. 82.

58 Justin Corfield (Ed), *Rama III and the Rattanakosin Expedition to Kedah in 1839, the Dispatches of Luang Udom Sombat*, Victoria: Aristoc Press Pty. Ltd., 1993, hlm. 17.

menghadap Rama II, dan memaklumkan kepada baginda bahawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II berhasrat berpakat dengan Burma menentang kerajaan Rattanakosin. Kesan Rama II mendengar makluman tersebut, baginda mengambil berat terhadap maklumat itu. Hasil perjumpaan tersebut, Rama II bertindak melemahkan kedudukan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II dengan memberi pengaruh kuasa pentadbiran yang lebih luas kepada Tunku Bisnu iaitu meliputi Sungai Yan, Sungai Muda, dan Sungai Merbok.

Rentetan Tunku Bisnu dilantik sebagai pembesar jajahan di Kuala Muda, Tunku Ibrahim tidak berpuas hati terhadap pelantikan tersebut. Pada tahun 1815, Tunku Ibrahim melancarkan serangan terhadap Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, dan mangkat dalam peperangan tersebut. Seterusnya, Tunku Yaakub dilantik sebagai Raja Muda Kedah yang baharu.

Tunku Yaakub turut berhasrat menggulingkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II. Hasrat ini berpunca daripada penolakan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II terhadap kemahuan Tunku Yaakub sebagai Pembesar Jajahan Perlis dan Setul. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II memilih, dan melantik Tunku Yusuf, putera Tunku Dhiauddin sebagai Pembesar Jajahan Perlis dan Setul.⁵⁹ Tunku Yaakub tidak berpuas hati terhadap tindakan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, dan menjalinkan hubungan dengan Ligor untuk menggulingkan baginda.

Tunku Yaakub bertindak mempengaruhi Rattanakosin dengan memberi beberapa alasan. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II gagal memerintah Kedah, dan menyebabkan rakyat Kedah berpecah-belah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II mengabaikan pemerintahan Kedah kerana berpindah ke Merbok, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II gagal menghadiri perjumpaan di Ligor, dan Bangkok dan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II membuat pakatan sulit dengan Burma menentang Rattanakosin.⁶⁰ Namun begitu, menurut laporan John Crawford pada tahun 1822, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menolak arahan Rattanakosin menentang Burma.⁶¹ Schubungan tindakan Tunku Yaakub itu, Rattanakosin menyerang, dan menguasai Kedah pada November 1821.

Ligor memainkan peranan dalam penguasaan tersebut.⁶² Pemerintahan Kedah diserahkan kepada Phya Puri Saknuton sebagai Gabenor, dan Phya Sina Nunchit sebagai Timbalan Gabenor. Mereka ini daripada kLigor.⁶³ Akhirnya, hasrat Ligor tercapai untuk menjadikan kerajaan Kedah sebahagian jajahan Ligor. Disebabkan peletakan Gabenor, dan Timbalan Gabenor Ligor, Kedah secara rasmi di bawah pentadbiran Rattanakosin pada tahun 1821.

Sebelum Kedah dikuasai Rattanakosin pada tahun 1821, Tunku Yaakub memainkan peranan penting dalam penguasaan terhadap Perak pada tahun 1818. Sebelum penguasaan

59 Mohamed Khan, *History of Kedah*, Penang: Penang Premier Press Co., Ltd., 1958, hlm. 50.

60 Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 1990, hlm 29.

61 *The Crawford Papers*, Memo on Dr. Crawford's Mission to Rattanakosin and Cochin China, as Reported in the Political Letters from Bengal of the 23rd November 1821 and 27th December 1822.

62 SSR B.6, August 1820-November 1822, W. E. Phillips to the the Honorable the Court of Directors for the Affairs of the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, London, 1 February 1822, dan *The Crawford Papers*, Hasting, Jas Stuart and John Fendall to the Honorable the Court of Directors for Affairs of the Honorable the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, 26 January 1882.

63 SSR G.2/October 1822-1824, Letter from the Honorable the Governor to the Raja of Ligure, Without Date.

tersebut, Rattanakosin memberi arahan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menguasai Perak pada tahun 1813 dan 1816.⁶⁴ Namun begitu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II enggan melaksanakan arahan Rattanakosin.⁶⁵ Kesan mendengar jawapan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, Rattanakosin tetap memaksa baginda, dan sekiranya tidak menjalankan arahan mereka, Kedah akan diserang. Pada tahun 1818, Tunku Yaakub, Bendahara, dan angkatan tentera Kedah melancarkan serangan melalui Bukit Gantang.⁶⁶ Pakatan ini berjaya mengalahkan tentera Perak.

Che Alang Idin, ketua angkatan Perak Bukit Gantang mengundurkan diri bersama-sama tenteranya ke Kota Lama Kiri. Pakatan ini bergabung dengan tentera yang diketuai oleh Panjang Talib. Akhirnya, peperangan ini dapat ditamatkan. Tunku Yaakub berkahwin dengan Hajjah Denah, manakala Bendahara Kedah berkahwin dengan Wan Fatimah. Namun begitu, penguasaan ini diteruskan disebabkan titah Rama II menyerang kerajaan Perak pada tahun sama. Seterusnya, tentera Rattanakosin bekerjasama dengan Kedah menguasai Perak. Perak dikuasai dan dijadikan jajahan dalam pentadbiran Kedah pada tahun 1818. Kesan penguasaan ini, Kedah dinaikkan pangkat sebagai Chao Phraya dalam pentadbiran Rattanakosin.⁶⁷ Namun begitu, pangkat Chao Phraya dilucutkan selepas Kedah dikuasai Rattanakosin pada tahun 1821.⁶⁸

Kedah, Perak dan Selangor Menjelang Perjanjian Burney 1826

Sejak kejatuhan Ayutthaya pada tahun 1767, kerajaan Kedah tidak begitu terikat dengan Siam. Sementara itu pada 26 Ogos 1775, Light dengan kapal *The Bloome* tiba di pelabuhan Kuala Selangor. Berikutnya pada 25 Disember 1775, James Scott pula dengan kapal *Prince* mendarat di pelabuhan Kuala Selangor.⁶⁹ Kemudiannya, dalam perkembangan lain, Light mewakili SHTI terlibat dalam hal ehwal politik dalaman Kedah dengan menduduki Pulau Pinang pada 1786. Sementara itu suasana diplomatik Kedah-Rattanakosin berlanjutan, Rattanakosin menuntut kedaulatan terhadap Kedah. Keadaan ini berterusan sehingga 1821. Pada tahun 1821,

64 Kerajaan Rattanakosin mengarahkan Kedah untuk menguasai Perak sejak tahun 1813. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam James Low, "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca", J. R. Logan (Ed), *JIAEA*, Vol. IV, Singapore: G. M. Frederick, 1850, hlm. 18.

65 Ronald Bishop Smith, *Rattanakosin or the History of the Thais from 1569 A. D. to 1824 A. D.*, Maryland: Decatur Press, Inc., 1967, hlm. 128.

66 Jawatankuasa Panel Penulis Khas, *Kenangan Pertabalan Raja Kita Ke 34*, Taiping: Jawatankuasa 'Panel Penulis Khas' dengan Kerjasama Pejabat Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama, 1986, hlm. 18.

67 Chayachoke Chulasiriwongs, *Thai-British Relation Concerning the Southern Malay States, 1880-1899*, hlm. 24.

68 Sebagai tambahan, pada 1872, Sultan Ahmad Tajuddin III (1854-1879) dilantik sebagai Chao Phraya Saiburi oleh Phra Bat Somdet Phra Poramenthramaha Mongkut Phra Chom Klao Chao Yu Hua/Rama IV (1851-1868) kerana ketaatan baginda terhadap kerajaan Rattanakosin. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSR V.1/September 1824-July 1826, Translation of a Letter from the Rajah of Ligore to the Rajah of Kedah, 29 August 1825 dan Kobkua Suwannathat-Pian, "Rattanakosinese Correspondence 1890-1898", *JMBRAS*, Kuala Lumpur: MBRAS, Volume 55, Part 2, 1982, hlm. 64.

69 Lee Kam Hing dan Mohd. Yusoff Hashim, "Peperangan Selangor-Belanda: Sebab dan Akibat Dalam Sejarah Selangor", Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan Muzium Alam Shah Selangor, 1992, hlm. 76.

Ligor yang menggunakan panji Rattanakosin menguasai Kedah.⁷⁰ Rattanakosin menggunakan alasan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II bekerjasama dengan Burma menentang mereka. Impak penguasaan tersebut, Kedah menjadi jajahan Rattanakosin. Kebanyakan kerabat raja Kedah mengundurkan diri ke Pulau Pinang.

Berdasarkan pandangan Rattanakosin, Kedah di bawah pentadbiran mereka sejak abad ke-17. Dakwaan ini berdasarkan Kedah menghantarkan Bunga Emas, dan Perak tiga tahun sekali.⁷¹ Namun begitu, berdasarkan kaca mata Sultan Kedah, hubungan tersebut adalah sebagai tanda persahabatan. Pada tahun 1813, 1816, dan 1818, kerajaan Rattanakosin mengarahkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menguasai kerajaan Perak. Arahan ini dibuat kerana Rama II berhasrat menguasai seluruh kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II bertarikh 10 Mac 1818, baginda menghantar Bendahara, dan Laksamana menyerang Perak.⁷² Tambahan lagi, menurut surat baginda bertarikh 12 September 1818, memohon bantuan daripada British supaya membantu menyerang Perak.⁷³ Sehubungan itu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II terpaksa melaksanakan arahan Rama II untuk menjaga hubungan persahabatan dengan Rattanakosin. Akhirnya, pada tahun 1818, Perak dikuasai, dan di bawah pengaruh pentadbiran Rattanakosin. Seterusnya, kerajaan Kedah dinaikkan pangkat sebagai Chao Phraya, manakala Perak pula berubah status dan kerajaan kepada *monthon* (jajahan) dalam Kedah.

Sejak awal abad ke-19, Perak menghadapi cabaran daripada Selangor. Sultan Ibrahim, Sultan Selangor ke-2 (1782-1826) berhasrat memperluaskan jajahan kerajaan baginda. Sultan Ibrahim berselisih faham dengan tiga Sultan Perak iaitu Sultan Ahmagdin Syah, Sultan Perak ke-18 (1786-1806), Sultan Abdul Malik Mansur Syah, Sultan Perak ke-19 (1806-1825), dan Sultan Abdullah Muadzam Syah, Sultan Perak ke-20 (1825-1830). Sultan Ibrahim berjaya memperluaskan tanah jajahan ke seluruh Perak kecuali Rantau Panjang. Tambahan lagi, Sultan Ibrahim menuntut Pulau Pangkor adalah di dalam pentadbiran kerajaan baginda.⁷⁴ Berikutan kejayaan tersebut, Sultan Ibrahim melantik Raja Hassan, putera Raja Muda Nala dan anak saudara baginda, sebagai pembesar jajahan di Sungai Bidor.⁷⁵

Sementara itu, dalam perkembangan lain, utusan SHTI dari Pulau Pinang, pimpinan Walter Sewell Cracroft tiba di Selangor menghadap Sultan Ibrahim pada 1818. Sultan Ibrahim berunding dengan utusan SHTI, dan berakhir dengan termeterai perjanjian kerjasama

70 SSR/B.7/November 1822-1824, W. E. Phillips, J. Macalister and W. A. Clubby to the Honorable the Court of Directors for the Affairs of the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, London, 31 March 1824, dan SSR/B.8/December 1824-May 1827, R. Fullerton, W. A. Clubley and R. Ibbetson to the Honorable the Court of Directors for the Affairs of the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, London, 2 June 1825.

71 Pada 1910 adalah tahun terakhir Sultan Kedah menghantar Bunga Emas, dan Perak kepada Rattanakosin. Kemudian, Bunga Emas, dan Perak ini dihantar ke London sebagai hadiah kepada George V yang ditabalkan sebagai Raja England. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSR/F.4/ September 1824-August 1826, Translation of a Letter from the Rajah of Perak to the Chao Phya of Ligore, 6 June 1825, *The Burney Papers*, Volume II, Part II, John Anderson to W. M. Williams, 11 September 1824, dan K/SUL ARK 4/ Photostat Copies of Correspondence Relating to the Gift of the "Bunga Mas" to the King of England from the Sultan of Kedah and the Raja of Perlis 1909.

72 SSR/F.1/January 1817-March 1819, From the Rajah of Kedah to the Governor, 10 March 1818.

73 SSR/F.1/January 1817-March 1819, From the Rajah of Kedah to the Governor, 12 September 1818.

74 SSR/B.6/August 1820-November 1822, From W. E. Phillips to the Honoble East India Company, 1 July 1819.

75 SSR/F.4/September 1824-August 1826, Translation of a Letter from Sultan Ibrahim, King of Salangore to Mr. Anderson, Agent for Perak and Salangore, Without Date.

perniagaan pada 23 Ogos 1818 (Sabtu 20 Syawal 1233). Pelbagai perkara berkaitan perniagaan dipersetujui dalam perjanjian ini. Perjanjian ditermeterai ini terdiri daripada lapan artikel, dan mencatatkan seperti berikut:

TREATY OF COMMERCIAL ALLIANCE between the Honorable English East India Company, and His Majesty the Rajah of Salengore, settled by Mr. Walter Sewell Cracroft, in virtue of Powers delegated to him by the Honorable John Alexander Bannerman, Governor of Prince of Wales Island and its Dependencies.- Done on the 20th of Shawal, Saturday, 1233, or 23rd August, A.D. 1818.

Article 1st. The Peace and Friendship now subsisting between the Honorable English East India Company, and His Majesty the Rajah of Salengore shall be perpetual.

Article 2nd. The Vessels and Merchandize belonging to British Subjects, or Persons being under the protection of the Honorable East India Company shall always enjoy in the Ports and Dominions subject to His Majesty the Rajah of Salengore, all the Privileges and Advantages which are now, or may at any time hereafter be granted to the Subjects of the most favored Nations.

Article 3rd. The Vessels and Merchandize belonging to the Subjects of His Majesty the Rajah of Salengore shall always receive similar Advantages and Privileges with those in the preceeding Article, as long as they are in the harbour of Port Cornwakkis, and in all other Places dependent on the British Government of Prince of Wales Island.

Article 4th. His Majesty of Salengore agrees that he will not renew any obsolete and interrupted Treaties with other Nations, Public Bodies or Individuals, the Provisions of which may in any degree tend to exclude or obstruct the Trade of British Subjects, who further shall not be burthened with any impositions or duties not levied on Subjects of other States.

Article 5th. His Majesty the Rajah of Salengore further engages that he will upon no pretence whatsoever, grant a Monopoly of any Articles of Trade or Commodities, the produce of his Territories to any Person or Persons, European American or the Natives of any other Country, but that he will allow British Subjects to come and buy all sorts of Merchandize, the same as other people.

Article 6th. The Honorable East India Company engage that they will not form any Treaties or Engagements which may exclude or obstruct the Merchandize of the Subjects of the Rajah of Salengore, who come to Trade at Pinang, nor will they grant a Monopoly of any sort of Merchandize to one description of Persons only, as in specified in the 5th Article, but will allow the Natives of Salengore to come and buy all sorts of Merchandize the same as other People.

Article 7th. His Majesty the Rajah of Salengore engages that if any Persons bring Subjects of the Company from Pinang and its Dependencies for Sale, he will not allow of their Sale in the Country of Salengore, and the

Honorable Company will be bound by a similar agreement with respect to the Subjects of Salengore; for the Laws of England on no account allow of such Proceedings in any of the Countries Subjects to the British Authority. Article 8th. This Treaty according to the foregoing Articles is made for the purpose of promoting the Peace and Friendship of the two States, and securing the liberty of Commerce and Navigation between their respective Subjects to the mutual advantage of both, and of it, one Draft is retained by His Majesty the Rajah of Salengore, and one by Mr. Walter Sewell Croft, Agent of the Honorable the Governor of Pinang. – To this is affixed the Seal of His Majesty the Rajah of Salengore to ratify it to the Honorable English East India Company, so that no Disputes may hereafter arise concerning it, but that it may be permanent and last for ever.

(Signed)
W.S. CRACROFT,
COMMISSIONER.

(A True Copy)
JOHN ANDERSON,
MALAY TRANSLATOR TO GOVT.⁷⁶

Tindakan Sultan Ibrahim melantik Raja Hasan di Perak menyebabkan Sultan Perak tidak berpuas hati, dan memaklumkan kepada British. Namun begitu, Sultan Ibrahim menyatakan kepada British bahawa pelantikan Raja Hassan mendapat perkenan daripada Sultan Abdul Malik Mansur Syah.⁷⁷ Raja Hassan berkahwin dengan kerabat raja Perak, dan baginda membenarkan beliau dilantik sebagai Orang Besar Daerah Bidor. Tujuan utama Raja Hassan dilantik sebagai pembesar dalam lingkungan Sungai Perak kerana sungai ini mempunyai kawasan bijih timah yang banyak.⁷⁸ Sebagai tambahan, Sultan Ibrahim adalah seorang pengusaha bijih timah kerana berhasrat berjaya dalam bidang ekonomi. Sehubungan itu, Sultan Ibrahim melantik putera baginda di setiap sungai di bawah pengaruh kerajaan baginda sebagai Pembesar Daerah untuk mengusahakan perlombongan bijih timah. Misalnya, Raja Muda Muhammad sebagai Orang Besar Daerah Bernam.

Sejak Sultan Ibrahim berjaya memperluaskan jajahan kerajaan ke seluruh Perak, baginda sering berselisih faham dengan Sultan Perak terhadap pengaruh masing-masing. Perselisihan faham tersebut sering berlaku sehingga Perjanjian Anderson 1825 termeterai pada 20 Ogos 1825.⁷⁹ Berkuat kuasa perjanjian ini, artikel ke-2, sempadan kerajaan Selangor-

76 John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula, and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Singapore: Printed for the MBRAS by Malaysia Printers Ltd., 1965, "Appendix", hlm. xxi-xxiii.

77 SSR/F.4/September 1824-August 1826, Translation of a Letter from Sultan Ibrahim Shah, Rajah of Salangore to the Honble Robert Fullerton, 30 August 1825.

78 Sungai Perak tunjang sungai utama dan mempunyai kawasan perlombongan bijih timah yang kaya. SSR/B.6/August 1820-November 1822, W. E. Phillips to the Honoble East India Company, 1 July 1819 dan Patrick Sullivan, *Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1982, hlm. 20-22, dan 30.

79 SSR/A.14/November 1818-July 1819, The Honble the Governor accords the Following Minute with Report from Mr. Anderson the Agent for Tin of his Proceed at Perak and Salangore, 17 December 1818, dan SSR/A.14/November 1818-July 1819, The Hon. the Governor Before the Board the Following Letter from the Rajah of Salangore, 27 May 1819.

Perak adalah Sungai Bernam, dan Selangor serta Perak tidak boleh campur tangan dalam kerajaan masing-masing.⁸⁰ Namun begitu, selepas perjanjian ini termeterai, Sultan Ibrahim tetap menuntut jajahan baginda yang meliputi Sungai Perak, Sungai Bidor, dan Pulau Pangkor. Berikutan tindakan Sultan Ibrahim tersebut, Perjanjian Low pada 18 Oktober 1826 ditandatangani. Menurut perjanjian ini, dalam artikel pertama dan ke-2, Perjanjian Anderson 1825 tetap kekal selagi pendedaran bulan, dan matahari, dan Selangor perlu menghormati Perak.⁸¹ Tambahan lagi, menurut Perjanjian 1825, dan 1826, Raja Hassan dilucutkan jawatan sebagai Orang Besar Daerah Bidor, dan harus kembali ke Selangor.⁸²

Ketika Kedah diberi arahan oleh Rama II untuk menyerang Perak pada tahun 1813-1826, Sultan Ibrahim menentang penjajahan tersebut.⁸³ Berdasarkan penentangan tersebut menunjukkan bahawa Perak berada dalam lingkungan pengaruh Selangor. Tambahan lagi, hubungan Selangor dengan Perak adalah seperti adik-beradik.⁸⁴ Walaupun demikian, Selangor, dan Perak sentiasa berselisih faham antara satu sama lain. Pada tahun 1818, Rattanakosin berjaya menguasai Perak, dan Sultan Abdul Malik Mansur Syah menghantar Bunga Emas, dan Perak kepada mereka pada tahun 1819.⁸⁵ Walaupun baginda raja Perak dikuasai Rattanakosin, Sultan Ibrahim tetap meneruskan usaha mendapatkan Sungai Perak, Sunai Bidor dan Pulau Pangkor.⁸⁶ Seterusnya, Bendahara Perak memohon bantuan kerajaan Rattanakosin menyerang Selangor.⁸⁷ Selepas permohonan itu dikemukakan, Rattanakosin berhasrat menyerang, dan menguasai Selangor.⁸⁸ Namun begitu, hasrat Rattanakosin tidak berjaya kerana kehebatan Sultan Ibrahim, dan peranan British terhadap Selangor serta Perak mematahkan hasrat tersebut.⁸⁹

-
- 80 CO 882/2, Inclosure 1 in No. 84, Old Treaties with Salangor, B/SUK CS 2282/86, Enclose Copy of Article 2 of the Selangor Treaty of 1825, *Treaties and Engagements, Entered Into With or Affecting, The Native States of the Malayan Peninsula*, Part II, Salangore 1825, Co 882/4/10, Extracts from the Audit Report, Selangor-Revenue and Expenditures for the Year 1877, dan *Correspondence Relating to the Affairs of Certain Native States in the Malay Peninsula, in the Neighbourhood of the Straits Settlements*, Inclosure 1 in No. 52, Precis of Perak Affairs, by Mr. Skinner, 10 January 1874.
- 81 SSR/G.7/October 1867-February 1872, From Sultan Perak to Governor Strait Settlements, Treaties with Perak, No. XCII, Penang Gazette of 19th April 1873.
- 82 SSR/G.3/August 1824-September 1826, Letter from Mr. Anderson to Rajah Hassan at Kuala Bidor, 23 September 1825, dan *The Burney Papers*, Vol II, Part III, From R. Fullerton, W. A. Clubley and R. Ibbetson to the Right Honorable William Pitt Lord Amherst, 4 August 1825.
- 83 SSR/F.1/January 1817-March 1819, From the Rajah of Kedah to Unknown, 10 March 1818, dan SSR/A.18/July 1823; June-July 1825, Translation of a Letter from the Chow Piya of Ligore to the Honble the Governor of Pulo Penang, 2 June 1825.
- 84 SSR/F.4/September 1824-August 1826, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligore, 6 June 1825.
- 85 SSR/A.18/July 1823; June-July 1825, Translation of a Letter from the Chow Piya of Ligore to the Honble the Governor of Pulo Penang, 2 June 1825 dan Amelia Ceridwen, "The Silsilah Raja-raja Perak I: An Historical and Literary Investigation into the Political Significance of a Malay Court Genealogy", *JMBRAS*, Kuala Lumpur: MBRAS, Volume 74, Part 2, 2001, hlm. 65.
- 86 *The Burney Papers*, Vol II, Part I, Translation of a Letter from the Chow Pya of Ligore to the Honorable the Governor of Pulo Penang, 6 June 1825.
- 87 *The Burney Papers*, Volume II, Part I, H. Burney, Remarks, 28 January 1825.
- 87 *The Burney Papers*, Volume II, Part I, H. Burney, Remarks, 28 January 1825.
- 88 SSR/A.20/October 1824-April 1825, Read the Following Letter from the Superintendent of Prince Wellesley, Containing Information as to the Designs of the Rattanakosinese Against Salangor, 17 February 1825, dan *The Burney Papers*, Vol II, Part I, Translation of a Letter from the Chow Pya of Ligore to the Honorable the Governor of Pulo Penang, 6 June 1825.
- 89 SP 12/125, Sir Frank Ahelstane Swettenham, An Account of the Origin and Progress of Rattanakosinese Influence in the Malay Peninsula 1785 to 1882, *The Burney Papers*, Vol II, Part I, Memorandum of a Conversation Between the Honoble the Governor of Penang, and the Envoys from the Rajah of Ligore, on Friday the 18th February 1825, dan *The Burney Papers*, Vol II, Part III, R. Fullerton to the Rajah of Salangore, 10 August 1825.

Pada tahun 1818, Perak (30 Julai 1818), dan Selangor (22 Ogos 1818) menandatangani perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan British.⁹⁰ Menurut perjanjian tersebut, artikel pertama hingga ke-8, British berhasrat menjalin hubungan politik dan ekonomi dengan Perak dan Selangor.⁹¹ Tujuan utama British melaksanakan perjanjian ini untuk menjaga kepentingan ekonomi bijih timah di Semenanjung Tanah Melayu.⁹² Berikutan itu, Sultan Ibrahim, Sultan Abdul Malik Mansur Shah, dan Sultan Abdullah sering mengutus surat berkaitan dengan politik dan ekonomi semasa kepada Gabenor Pulau Pinang. Berdasarkan pandangan British, perkara berkaitan dengan politik kerajaan, mereka tidak berhasrat melibatkan diri dalam politik tersebut. Namun begitu, perkara berkaitan dengan ekonomi kerajaan, British perlu melindungi kepentingan mereka.⁹³

Sultan Ibrahim menyifatkan Sultan Perak “tidak dapat menyelesaikan masalah dengan sendiri kerana mereka sentiasa merujuk kepada Gabenor Pulau Pinang, dan Raja Ligor”.⁹⁴ Sultan Perak bertindak sedemikian kerana kerajaan baginda dikuasai Rattanakosin, dan menunggu keputusan daripada mereka untuk melaksanakan sesuatu. Berikutan perwatakan Sultan Perak itu menyebabkan Sultan Ibrahim tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut.

Ketika penguasaan Kedah, Ligor memimpin, dan melancarkan serangan pada 12 November 1821.⁹⁵ Tentera Rattanakosin menuju ke Kedah melalui Trang. Selepas tentera Rattanakosin tiba di Kedah, mereka berkumpul di Sungai Kedah. Kedatangan tentera Rattanakosin adalah secara mengejut, dan tidak diketahui tujuan sebenar kedatangan mereka ke Kedah. Penghulu yang berada di kubu Sungai Kedah memaklumkan kepada Bendahara, dan Laksamana terhadap kedatangan tersebut. Selepas mendapat maklumat tersebut, Bendahara terkejut, dan berhasrat berjumpa dengan mereka.

Selepas perahu Rattanakosin mengepung Sungai Kedah, pembesar Kedah diarahkan berhimpun di dermaga yang terletak kira-kira 150 ela berhampiran dengan kubu. Bendahara, Laksamana, Temenggung, dan beberapa pembesar Kedah ditempatkan di dermaga yang mempunyai alas perlindungan. Tentera Rattanakosin lengkap alat kelengkapan perang, dan mereka mempunyai muslihat tersembunyi. Bendahara bertanya kepada tentera Rattanakosin mengenai tujuan mereka ke Kedah. Tentera Rattanakosin tersebut menjawab bahawa

90 SSR/F.1/January 1817-March 1819, the Rajah of Salangore to the Governor, 22 August 1818, SSR/F.2/July 1818-August 1819, the Rajah of Perak to the Governor, 30 July 1818, dan SSR/G.1/November 1817-August 1819, the Governor to the Rajah of Salangor and Perak, 25 September 1818.

91 Berdasarkan surat Sultan Ibrahim tanpa tarikh, dan bertarikh 1 Disember 1818, baginda berhasrat, dan berpuas hati terhadap kerjasama dalam perdagangan bijih timah antara kerajaan baginda dengan British. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSR/F.1/January 1817-March 1819, the Rajah of Salangor, Without Date, dan SSR/G.1/November 1817-August 1819, the Governor to the Rajah of Salangor, 1 December 1818.

92 SSR/B.8/December 1824-May 1827, R. Fullerton, W. A. Clublely and R. Ibbetson to the Honorable the Court of Directors for the Affairs of the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, London, 2 June 1825.

93 *The Burney Papers*, Volume II, Part I, Memorandum of a Conversation Between the Honorable the Governor of Penang, and the Envoys from the Rajah of Ligor on Friday the 18th February 1825.

94 SSR/F.4/September 1824-August 1826, Translation of a Letter from Sultan Ibrahim Shah, King of Salangore to the Honble Robert Fullerton, 3 November 1825, dan SSR/F.4/September 1824-August 1826, Translation of a Letter from Sultan Ibrahim, King of Salangore to Mr. Anderson, Late Agent to Perak and Selangor, 3 November 1825.

95 *The Crawford Papers*, Hasting, Jas Stuart and John Fendall to the Honorable the Court of Directors for Affairs of the Honorable the United Company of Merchants of England Trading to the East Indies, 26 January 1822, dan John Crawford, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, London: Bradbury & Evans, 1856, hlm. 362

mereka berhasrat mendapatkan beras, dan berhasrat menyerang Burma. Bendahara bersetuju menunaikan hasrat tentera Rattanakosin dengan segera.

Ketika Bendahara sedang berinteraksi dengan tentera Rattanakosin, bilangan mereka semakin bertambah.⁹⁶ Seterusnya, mereka mengepung dermaga ini dan memaklumkan kepada Bendahara bahawa mereka berhasrat menguasai Kedah. Selepas mendengar makluman tersebut, Bendahara, dan Laksamana menyatakan bahawa “Kita telah dikhianati, marilah kita menyerang mereka dengan kejampunya”.⁹⁷ Bendahara, Laksamana, dan pembesar lain menghunus keris, dan menikam tentera Rattanakosin yang berhampiran dengan mereka. Muslihat tersembunyi tersebut adalah untuk menguasai Kedah.⁹⁸ Akhirnya, Bendahara, Laksamana, dan Temenggung bersama-sama tentera mereka dikalahkan, dan kebanyakannya mengundurkan diri. Bendahara ditangkap, dan mati diracun ketika di bawa ke Singgora. Manakala Laksamana, Temenggung, dan beberapa pembesar Kedah meninggal dunia dalam peperangan tersebut.⁹⁹

Selepas kekalahan tersebut, mereka yang berundur menghadap Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II di Sungai Merbok. Mereka memaklumkan penguasaan Rattanakosin kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II. Selepas mendengar makluman tersebut, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II bersama-sama isteri dan putera-puteri baginda mengundurkan diri ke Sungai Perai. Selepas tiba di Sungai Perai, mereka berlindung di kediaman Tunku Sulaiman dan memohon bantuan British.¹⁰⁰ Sehubungan itu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II mendapat pertolongan British. Bantuan itu diberikan kerana British menyatakan bahawa Kedah adalah sahabat lama mereka, dan harus dilindungi.¹⁰¹

Selepas Chao Phraya Ligor mendapat maklumat bahawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II berada di Seberang Perai, beliau mengutuskan surat kepada W. E. Philips, Gabenor Pulau Pinang ke-7, supaya menyerahkan baginda kepada Rattanakosin. Philips menolak permintaan tersebut.¹⁰² Dalam pada itu, Raja Ligor menyatakan kepada Philips bahawa “...memaklumkan bahawa Kedah adalah di bawah pentadbiran Rattanakosin, dan dilarang untuk campur tangan”.¹⁰³ Berikutan itu, Rattanakosin, dan British berselisih faham antara satu sama lain.¹⁰⁴ Akibat peperangan tersebut, kebanyakan penduduk Kedah

96 Menurut laporan Burney, tentera Rattanakosin berjumlah 600-700 orang. Namun begitu, seramai 300 tentera Rattanakosin menyerang Kedah. Baki tentera Rattanakosin lain berada di kawasan perancangan mereka. Misalnya, tentera Rattanakosin seramai 150 orang diletakkan di Perlis. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *The Burney Papers*, Volume II, Part I, H. Burney to W. S. Cracraft, 28 January 1825.

97 SP 12/125, Sir Frank Ahelstane Swettenham, *An Account of the Origin and Progress of Rattanakosinese Influence in the Malay Peninsula 1785 to 1882*.

98 Yahya bin Wan Mahamad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah*, hlm. 8.

99 Laksamana Kedah dibunuh oleh Chiom Pya. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *The Burney Papers*, Volume II, Part I, H. Burney to W. S. Cracraft, 28 January 1825.

100 Tunku Sulaiman adalah adik-beradik Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II yang berlainan ibu. Menurut surat Tunku Sulaiman kepada Sir Stamford Raffles tanpa tarikh, beliau berhasrat berpindah dan menetap di Seberang Perai. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Ahmad Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824): A Descriptive Account with Notes and Translation*, hlm. 73.

101 *The Crawford Papers*, Copy of a Paper Given in by the Commander of the Mission Ship, 14 April 1822, dan Mahani Musa, “Seberang Perai Dari Segi Sejarah”, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah, Bil. 35, 2007, hlm. 23.

102 *The Crawford Papers*, W. Astell to Our Governor General in Council at Fort William, 6 April 1825.

103 *The Crawford Papers*, Translation of a Letter from the Rajah of Ligor to the Rattanakosinese Government, 24 May 1822.

104 Nicholas Tarling, *Nations and States in Southeast Asia*, Cambridge: Cambridge University Press, 1998, hlm. 40.

mengundurkan diri ke Pulau Pinang.¹⁰⁵ Tunku Yaakub yang merupakan dalang peperangan ini turut mengundurkan diri, tetapi ditangkap dan di bawa ke Bangkok.¹⁰⁶

Pada tahun 1823, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II berhasrat, dan menyeru rakyat Kedah menentang Rattanakosin. Tunku Abdullah, putera Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, membentuk, dan memimpin satu pasukan tentera untuk menunaikan hasrat ayahandanya.¹⁰⁷ Tunku Kudin turut memimpin pasukan tentera, dan menyerang tentera Rattanakosin di Perlis. Namun begitu, pakatan ini tidak dapat mengalahkan tentera Rattanakosin, dan kerajaan Kedah kekal di bawah penguasaan baginda raja. Seterusnya, pada tahun 1825, Tunku Abdullah melancarkan serangan sekali lagi terhadap Rattanakosin.

Selepas penguasaan Rattanakosin terhadap Kedah, ekonomi Pulau Pinang kurang stabil. Ketidakstabilan ini terjadi kerana peperangan yang berlaku antara Rattanakosin dengan Kedah, Perak, dan Selangor. Dalam pada itu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II tidak dapat meneruskan kesultanan Kedah kerana Rattanakosin melantik kerabat raja Ligor sebagai Phraya Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II berhasrat mendapatkan pertolongan British bagi mengembalikan takhta baginda. Seterusnya, Crawford, Anderson dan Kapten Henry Burney dilantik oleh British untuk membantu kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Bagi British, mereka berhasrat menjaga kepentingan ekonomi.¹⁰⁸ Tambahan lagi, pada tahun 1824, selepas Perjanjian Inggeris-Belanda termeterai, British memiliki Semenanjung Tanah Melayu, dan berhasrat menjaga kepentingan mereka supaya tidak dikuasai Rattanakosin dan negara Barat lain terutamanya Jerman.¹⁰⁹

Pada tahun 1826, usaha yang dilaksanakan oleh Kapten Henry Burney menyebabkan Perjanjian Burney 1826 termeterai. Perjanjian ini memberi kesan kepada kerajaan Kedah, Perak, dan Selangor. Kesan utama perjanjian ini ialah Kedah dimasukkan ke dalam pentadbiran Rattanakosin manakala Perak, dan Selangor bebas daripada jajahan Rattanakosin. Walaupun perjanjian ini ditandatangani, Kedah tetap dikuasai, dan dimasukkan dalam pentadbiran Rattanakosin selama 21 tahun (1821-1842).¹¹⁰ Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II mendapat perlindungan British, dan menetap di Melaka sepanjang peperangan Kedah-Rattanakosin. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II diletakkan di Melaka kerana berkuat kuasa artikel 13

-
- 105 SSR/A.19/May 1824-August 1824, Wan Tam the Mother of the Late Laxamana of Quedah and Wan Aajin His Widow to the Honble the Governor Council, Without Date, *The Crawford Papers*, J. Crawford to George Swinton, 12 July 1882, dan John Crawford, *Journal of an Embassy to the Courts of Rattanakosin and Cochin China*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 10.
